



**NOTIS PRIVASI PERUNDING UNIT AMANAH/  
PERUNDING SKIM PERSARAAN SWASTA**

Public Mutual Berhad (No. Syarikat 197501001842 (23419-A)) menghormati privasi anda dan berusaha untuk melindungi data peribadi anda seperti yang termaktub di dalam undang-undang Malaysia.

Kami hanya akan mengumpul dan menggunakan data peribadi anda mengikut undang-undang (termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010), Notis Privasi dan klausa privasi seperti yang tertera dalam Kontrak Agensi anda dengan kami.

Notis Privasi ini menerangkan, antaranya:

- Data peribadi yang dikumpul dan bagaimana ia dikumpulkan;
- Bagaimana data peribadi anda digunakan;
- Pendedahan data peribadi; dan
- Akses kepada dan kemas kini data peribadi anda.

Privasi anda penting bagi kami, jadi sila luangkan masa untuk memahami amalan kami dan jika anda memerlukan maklumat lebih lanjut, sila hubungi Talian Perkhidmatan PEUA kami di 03-2022 6300 atau bercakap dengan Pegawai Khidmat PEUA di mana-mana cawangan kami.

*Untuk tujuan Notis Privasi ini, sila beri perhatian bahawa:*

- *“Kumpulan Public Mutual” merujuk kepada semua cawangan, agensi, syarikat perwakilan, syarikat pegangan, bersekutu atau syarikat berkaitan dan pegawai mereka atau agensi, yang terletak di dalam atau luar Malaysia.*
- *“Kita” atau “kami” merujuk kepada Public Mutual Berhad.*
- *Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Notis Privasi ini hanya digunakan sekiranya anda seorang individu.*

**1. Apa Data Peribadi yang dikumpul dan bagaimana ia dikumpulkan**

Untuk membolehkan pihak kami berurusan dengan pertanyaan, pendaftaran dan memproses permohonan anda sebagai Perunding Unit Amanah (PEUA)/ Perunding Skim Persaraan Swasta (Perunding PRS) untuk memasarkan dan mempromosikan produk unit amanah, skim persaraan swasta kami dan/atau untuk menyediakan perkhidmatan dan/atau kemudahan kami kepada anda, kami mungkin perlu dan/atau mungkin dikehendaki untuk mengumpul, merekod,



memegang, menyimpan, menggunakan dan/atau mendedahkan (contoh: “memproses”) data peribadi anda yang termasuk sebarang data yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda dan/atau Kontrak Agensi anda dengan kami. Data ini termasuk, tetapi tidak dihadkan kepada nama anda, kewarganegaraan, taraf perkahwinan, alamat, sumber pendapatan, pekerjaan, maklumat perhubungan, maklumat bank, status pemastautin, tandatangan, gambar, kelayakan (termasuk transkrip dan sijil), jumlah pelaburan, maklumat anda yang terdapat dalam mana-mana akaun yang mungkin ada pada kami termasuk tetapi tidak dihadkan kepada jualan dan komisen, sejarah pekerjaan dan data peribadi yang berkaitan dengan ahli keluarga anda, surat pelepasan kebangkrapan, transaksi yang telah anda lakukan, jenis perkhidmatan yang telah anda langgan daripada kami dan maklumat yang berkaitan berkenaan dengan diri dan agensi anda.

Kami boleh mendapatkan data ini daripada anda semasa anda memohon untuk menjadi PEUA/ Perunding PRS kami dengan Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (*FIMM*), memohon untuk mana-mana produk dan perkhidmatan dan daripada pelbagai jenis sumber, termasuk tetapi tidak dihadkan:

- a. melalui hubungan anda dengan kami, sebagai contoh maklumat diberikan oleh anda di dalam borang-borang permohonan, semasa mempromosikan dan penjualan unit amanah kami dan Skim Persaraan Swasta dan mana-mana daripada produk rasmi kami dari semasa ke semasa, apabila mengambil bahagian di dalam kaji selidik PEUA, pertandingan dan promosi, dan semasa jualan dan/atau kajian semula prestasi;
- b. melalui komunikasi lisan dan bertulis dengan kami dan/atau PEUA atasan/ Pengambil PEUA baharu anda;
- c. daripada pihak ketiga yang berkait dengan anda, seperti majikan, pemegang akaun bersama, PEUA atasan/Pengambil PEUA baharu, pembekal sekuriti, rakan kongsi, pengarah bersama dan pemegang saham bersama, tertakluk pada persetujuan terdahulu anda;
- d. daripada analisis bagaimana anda menjalankan/melaksanakan/memenuhi pengeluaran jualan anda, promosi dan pembaharuan kontrak dengan kami dan dari pengurusan/penyelenggaraan Kontrak Agensi anda dan pembayaran yang dibuat melalui/daripada akaun anda/kemudahan;



- e. daripada sumber-sumber lain yang anda telah memberi persetujuan untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan anda dan/atau jika sebaliknya tidak terhad; dan/atau
- f. daripada analisis bagaimana anda menjalankan tugas sebagai seorang ejen kepada Syarikat.

## **2. Bagaimana Data Peribadi anda digunakan**

Kami mungkin menggunakan data peribadi anda untuk satu atau melebihi tujuan-tujuan berikut:

- (a) untuk mengesahkan identiti anda, latar belakang, prestasi dan bagaimana anda menjalankan tugas sebagai PEUA/ Perunding PRS;
- (b) untuk capaian dan pemprosesan permohonan/permintaan anda berkaitan dengan hal-hal agensi dan mana-mana produk dan perkhidmatan kami;
- (c) untuk membolehkan kami mempertimbangkan sama ada untuk menyediakan atau terus menyediakan produk dan perkhidmatan kepada anda;
- (d) untuk menguruskan dan mengekalkan akaun dan Kontrak Agensi anda sebagai PEUA/ Perunding PRS dengan kami;
- (e) untuk menguruskan perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami dengan lebih baik;
- (f) untuk memberi maklumat kepada anda tentang produk, perkhidmatan dan tawaran yang kami dan pihak ketiga sediakan yang mungkin menarik minat anda;
- (g) untuk meningkatkan mutu produk dan perkhidmatan kami dan untuk membangunkan produk dan perkhidmatan baharu;



- (h) untuk memberitahu tentang manfaat dan perubahan ke atas “*Commission Incentive and Benefits Schemes*” (CIBS) dan ciri-ciri produk serta perkhidmatan;
- (i) untuk menguruskan tawaran, pertandingan, kempen dan promosi;
- (j) untuk memberi respon kepada pelanggan dan sebarang pertanyaan dan aduan serta menyelesaikan pertikaian;
- (k) untuk menjawab sebarang pertanyaan semasa menyelesaikan pertikaian atau timbangtara atau prosiding mahkamah;
- (l) untuk mengemaskini, mengukuhkan dan mempertingkatkan ketepatan rekod kami;
- (m) untuk menghasilkan data, laporan dan statistik dalam cara yang tidak akan menonjolkan anda secara peribadi;
- (n) untuk menjalankan penyelidikan untuk tujuan analisis termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumpulan data dan analisa transaksi anda, prestasi dan kelakuan anda dengan kami;
- (o) untuk mematuhi undang-undang yang perlu dipatuhi dengan Kumpulan Public Mutual;
- (p) untuk tujuan audit, pematuhan dan pengurusan risiko;
- (q) untuk menilai risiko kewangan dan insurans;
- (r) untuk memindahkan atau menentukan hak kami, kepentingan dan kewajipan di bawah Kontrak Agensi anda dengan kami;
- (s) untuk melindungi atau menguatkuasakan hak-hak kami di bawah Kontrak Agensi anda dengan kami;



- (t) untuk menjalankan pemeriksaan ke atas pengubahan wang haram;
- (u) untuk pengesanan, pencegahan dan pendakwaan jenayah; dan/atau
- (v) untuk apa-apa tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan-peraturan, garis panduan dan/atau serta pihak berkuasa yang berkaitan.

Kami akan memaklumkan kepada anda sebelum menggunakan data peribadi anda bagi tujuan selain yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini dan dalam syarat-syarat privasi di dalam Kontrak Agensi anda.

### **3. Pendedahan Data Peribadi**

Sebagai sebahagian daripada penyediaan produk dan perkhidmatan kami untuk anda dan pengurusan dan/atau operasi yang terlibat, kami mungkin akan mendedahkan data peribadi anda kepada pihak-pihak yang berikut:

- a. syarikat dan/atau organisasi di dalam Kumpulan Public Bank Berhad;
- b. pelanggan kami, PEUA atasan/ Pengambil PEUA baharu/PEUA bawahan anda dan/atau pengedar-pengedar yang sah;
- c. syarikat dan/atau organisasi yang bertindak sebagai penasihat profesional;
- d. mana-mana pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan (termasuk syarikat insurans);
- e. syarikat dan/atau organisasi yang kami lantik untuk menjalankan fungsi operasi untuk membantu kami dalam memproses, mentadbir dan/atau memenuhi transaksi/perkhidmatan yang anda mohon;
- f. syarikat dan/atau organisasi yang kami lantik untuk menjalankan fungsi operasi untuk membantu dalam menambahbaik perkhidmatan yang anda mohon;



- g. penasihat anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada akauntan, juruaudit, peguam, penasihat kewangan atau penasihat profesional) yang dibenarkan oleh anda/harta pusaka anda;
- h. mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh anda untuk memberi arahan atau untuk menggunakan akaun/kemudahan atau produk atau perkhidmatan bagi pihak anda;
- i. mana-mana pihak ketiga hasil daripada mana-mana penstrukturan semula kemudahan yang diberikan kepada anda atau penjualan hutang-hutang, atau pemerolehan atau penjualan mana-mana syarikat oleh syarikat Kumpulan Public Bank Berhad, dengan syarat bahawa mana-mana penerima menggunakan data peribadi anda untuk tujuan yang sama dengan dokumen asal yang diberikan kepada kami dan/atau digunakan oleh kami;
- j. Polis atau pegawai awam yang menjalankan penyiasatan berkaitan apa-apa kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
- k. Mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berwajib sama ada kerajaan atau kuasi kerajaan yang mempunyai kuasa ke atas Kumpulan Public Bank Berhad;
- l. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (*FIMM*), Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti atau pihak berwajib atau badan-badan lain yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau pihak berkuasa lain yang mempunyai kuasa ke atas Public Mutual;
- m. Public Bank Berhad di atas apa-apa kemudahan kredit yang diberikan, kad kredit dan/atau kad debit yang dikeluarkan oleh mereka kepada anda;
- n. mana-mana individu, pihak berkuasa atau penguatkuasa di mana Kumpulan Public Mutual dibenarkan atau diperlukan untuk mendedahkan dibawah undang-undang dari mana-mana negara;



- o. pengumuman nama-nama pemenang kempen pemasaran di dalam media dan laman web Public Mutual;
- p. mana-mana individu yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau perlindungan hak kami di bawah Kontrak Agensi anda dengan kami, sama ada di dalam atau luar Malaysia, untuk mana-mana tujuan di atas;

Kami akan menyimpan maklumat peribadi anda dengan secara sulit dan selain daripada pihak yang dinyatakan di atas, kami tidak akan mendedahkan maklumat anda kepada mana-mana pihak lain, kecuali:

- a. apabila anda telah memberi kebenaran;
- b. apabila dikehendaki atau dibenarkan disisi undang-undang;
- c. apabila dikehendaki atau diberikuasa oleh perintah mahkamah;
- d. apabila kami mungkin memindahkan hak dan obligasi di bawah Kontrak Agensi anda dengan kami; dan/atau
- e. apabila kami diperlukan untuk memenuhi tanggungjawab terhadap pihak berkuasa badan berwajib yang berkaitan.

#### **4. Polisi keselamatan**

Kami meletakkan kepentingan yang paling tinggi di dalam memastikan keselamatan maklumat peribadi anda kerana maklumat peribadi anda adalah aset kami. Kami sentiasa meneliti dan mengemaskini aspek teknikal dan keselamatan organisasi semasa memproses data anda.

Pekerja kami telah dilatih untuk menguruskan data peribadi anda dengan sebaik mungkin. Tindakan disiplin akan dikenakan ke atas mereka jika berlakunya kecuaiian.



**5. Polisi pengekalan**

Kami akan menyimpan maklumat peribadi anda selaras dengan Notis Privasi ini dan/atau terma-terma dan syarat-syarat Kontrak Agensi anda dengan kami untuk tempoh masa anda berhubungan dengan kami, untuk apa-apa tempoh sebagaimana yang perlu untuk melindungi kepentingan Kumpulan Public Mutual dan/atau pelanggannya sebagaimana yang difikirkan perlu, mana yang dikehendaki oleh undang-undang dan / atau yang dikehendaki oleh dasar-dasar berkaitan Kumpulan Public Bank Berhad.

**6. Data Peribadi yang tidak lengkap**

Seperti yang dinyatakan, anda diwajibkan memberikan data peribadi kepada kami untuk membolehkan kami memproses permohonan anda sebagai PEUA/ Perunding PRS untuk pendedaran produk dan perkhidmatan kami. Jika anda enggan memberikan data peribadi yang diwajibkan, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan, permintaan atau memberikan anda produk atau perkhidmatan kami.

**7. Akses dan pembetulan Data Peribadi**

Kami boleh membantu anda di dalam mengakses dan membuat pembetulan ke atas data peribadi anda yang disimpan oleh kami.

Jika anda ingin mempunyai akses kepada data peribadi anda di dalam simpanan kami, atau jika anda berpendapat bahawa data peribadi yang dipegang oleh kami adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemaskini, anda boleh membuat permintaan kepada kami atau membuat pembetulan ke atas data peribadi anda melalui Portal Komunikasi Agensi kami dan/atau mengisi Borang Pindaan Nombor Telefon Bimbit PEUA bagi pindaan nombor telefon bimbit. Borang ini boleh didapati di laman web kami di [www.publicmutualutconnect.com.my](http://www.publicmutualutconnect.com.my).

Kami akan berusaha dengan sewajarnya untuk memenuhi permintaan anda untuk mengakses atau membuat pembetulan ke atas data peribadi anda dalam masa 21 hari dari tarikh penerimaan permintaan dan/atau Borang Pindaan Nombor Telefon Bimbit PEUA yang lengkap dengan yuran pemprosesan yang berkaitan (jika ada).





Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin perlu menahan akses kepada data peribadi anda dalam keadaan tertentu, contohnya apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda atau di mana data yang diminta adalah bersifat komersial sulit atau sekiranya kami menerima permintaan berulang untuk data yang sama. Walau bagaimanapun, kami akan memberitahu anda tentang sebab-sebab tidak dapat memenuhi permintaan anda.

Sila juga ambil perhatian bahawa kami mungkin akan menggunakan budi bicara kami dalam membenarkan pembetulan yang diminta dan/atau mungkin meminta bukti dokumen berkenaan data baharu untuk mengelakkan penipuan dan ketidaktepatan.

Anda juga boleh membantu pihak kami untuk menyimpan data peribadi anda (seperti alamat surat-menyurat semasa anda) yang terkini, kerana ia akan membolehkan kami untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik.

#### **8. Pilihan anda terhadap pendedahan, pengekalan dan penggunaan Data Peribadi**

Tertakluk pada hak kontrak dan obligasi kami di bawah undang-undang dan peraturan yang berkaitan, anda boleh membuat pilihan anda berkenaan dengan pendedahan, pengekalan dan penggunaan data peribadi anda. Sekiranya anda ingin berbuat demikian, sila hubungi kami di nombor telefon yang dilampirkan di bawah.

#### **9. Kemaskini Notis Privasi**

Notis Privasi ini akan dikemaskini dari masa ke semasa. Notis yang dikemaskini akan diberitahu melalui laman web kami dan/atau melalui cara komunikasi yang lain yang dianggap sesuai oleh kami.



**PUBLIC MUTUAL**  
WHOLLY-OWNED SUBSIDIARY OF PUBLIC BANK

---

## **10. Hubungi kami**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berhubung dengan Notis Privasi ini atau bagaimana kami mengendalikan data peribadi anda, sila berhubung dengan mana-mana Pegawai Khidmat Ejen kami di cawangan kami atau hubungi kami di: -

Public Mutual Berhad  
Menara Public Bank 2  
No.78, Jalan Raja Chulan,  
50200 Kuala Lumpur

Hotline : 03-2022 6300  
Faks: 03-2022 6068  
E-mel: [utcsupport@publicmutual.com.my](mailto:utcsupport@publicmutual.com.my)